



16 Disember 2021
16 December 2021
P.U. (A) 451

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 16) 2021

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) (NO. 16) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 16) 2021**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 624/2021 yang disiarkan pada 6 Disember 2021, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kanan Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kanan Kerja Raya, setelah memberikan pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 16) 2021**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 26 Disember 2021.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, selain di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya</i>	<i>Jalan Arah</i>	<i>Tempoh Larangan</i>
<i>Larangan Terpakai</i>		

Laluan 36, Jalan Aring 8 – Kenderaan dari Kuala Jeneris ke Jalan Aring 8 dan sebaliknya ditutup sementara bagi kerja pembaikan kegagalan cerun di KM 74.8 hingga KM 75.0 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual Kedua
Jadual Kedua
Kenyir – Kuala Jeneris hendaklah menggunakan laluan alternatif, Laluan 8, Jalan Kota Bharu – Gua Musang sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta Jadual Kedua
26 Disember 2021 hingga 1 Jun 2024